



**GARIS PANDUAN PENYERAGAMAN FORMAT LAPORAN TANAH MENGIKUT  
URUSAN PERMOHONAN DI BAWAH PERUNDANGAN BERKAITAN TANAH  
DAN PENGGUNAANNYA DI SEMUA PENTADBIRAN TANAH DI  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Putrajaya  
2022

## KANDUNGAN

### 1.0 PENGENALAN

1.1	Tujuan.....	1
1.2	Latar Belakang.....	1
1.3	Objektif Penyeragaman Format Laporan.....	2

### 2.0 FORMAT LAPORAN TANAH MENGIKUT JENIS URUSAN ATAU PERMOHONAN DAN PERUNDANGAN TERLIBAT

2.1	Format Laporan.....	3
-----	---------------------	---

3.0	TARIKH KUAT KUASA.....	4
-----	------------------------	---

4.0	PERTANYAAN MENGENAI GARIS PANDUAN.....	4
-----	--	---

### LAMPIRAN

**LAMPIRAN 1:** Format Laporan Urusan/Permohonan Pemberimilikan

**LAMPIRAN 2:** Format Laporan Urusan/Permohonan Perizaban

**LAMPIRAN 3:** Format Laporan Urusan/Permohonan Lesen Pendudukan Sementara

**LAMPIRAN 4:** Format Laporan Urusan/Permohonan Permit Bahan Batuan/Bahan Mineral

**LAMPIRAN 5:** Format Laporan Urusan/Permohonan Pembangunan Tanah

**LAMPIRAN 6:** Format Laporan Urusan/Permohonan Tukar Syarat dan Pecah Sempadan dan Tukar Syarat Serentak

**LAMPIRAN 7:** Format Laporan Urusan/Permohonan Penyerahan dan Pemberimilikan Semula

**LAMPIRAN 8:** Format Laporan Urusan/Permohonan Hak Lalu Lalang Pentadbir Tanah

**LAMPIRAN 9:** Format Laporan Urusan/Permohonan Pelanjutan Tempoh Pegangan

**LAMPIRAN 10:** Format Laporan Urusan/Permohonan Pajakan Tanah Rizab

**LAMPIRAN 11:** Format Laporan Urusan/Permohonan Pelanggaran Syarat, Permit dan Lesen

**LAMPIRAN 12:** Format Laporan Urusan/Permohonan Kemungkiran Kategori atau Syarat Tanah

**LAMPIRAN 13:** Format Laporan Urusan/Permohonan Pembatalan dan Pengisytiharan Rizab Melayu

**LAMPIRAN 14:** Format Laporan Urusan/Permohonan Penamatkan Kawasan Penempatan Berkelompok (GSA)

**LAMPIRAN 15:** Format Laporan Urusan/Permohonan Pembatalan Tanah Rizab

**LAMPIRAN 16:** Format Laporan Urusan/Permohonan Pengambilan Tanah

**LAMPIRAN 17:** Format Laporan Urusan/Permohonan Pendudukan Secara Tidak Sah

**LAMPIRAN 18:** Format Laporan Urusan/Permohonan Permit Ruang Udara

**LAMPIRAN 19:** Format Laporan Urusan/Permohonan Rondaan Penguatkuasaan

## **1. PENGENALAN**

### **1.1 Tujuan**

Garis Panduan ini bertujuan untuk menyediakan format laporan tanah yang seragam mengikut urusan permohonan di bawah perundangan berkaitan tanah dan penggunaannya di semua pentadbiran tanah di Semenanjung Malaysia. Dengan adanya format laporan tanah yang berkualiti dan seragam ini, insiden kekurangan atau ketidaktepatan maklumat boleh dielakkan. Ini seterusnya dapat memberikan maklumat yang betul kepada pihak-pihak berkuasa di pentadbiran tanah agar pertimbangan dan keputusan yang tepat dan terbaik boleh dibuat.

### **1.2 Latar Belakang**

- 1.2.1 Antara tanggungjawab atau tugas utama Pegawai Petempatan atau Penolong Pegawai Tanah (PPT) di semua Pejabat Tanah adalah menyediakan laporan tanah. Laporan tanah yang disediakan adalah berdasarkan semakan dan siasatan, pengenalpastian kedudukan dan status terkini berkaitan sesuatu tanah. Laporan tanah juga merupakan satu keperluan untuk membantu dalam pembuatan sesuatu keputusan yang melibatkan urusan tanah terutamanya pelupusan atau pembangunan sesuatu tanah sama ada bagi pihak berkepentingan seperti pihak kerajaan, syarikat swasta atau individu.
- 1.2.2 Terdapat pelbagai urusan yang memerlukan kepada penyediaan laporan tanah mengikut urusan di bawah Kanun Tanah Negara [Akta 828] (Disemak 2020) (KTN) seperti permohonan perizinan tanah, pajakan tanah rizab, lesen pendudukan sementara, permit bahan batuan, permit ruang udara, pemberimilikan dan penyambungan tempoh pegangan. Selain urusan berkaitan pelupusan tanah, urusan pecah bahagian dan pemajuan tanah seperti pecah sempadan, ubah kategori atau syarat, serah balik dan beri milik semula juga memerlukan laporan tanah disediakan. Selain KTN, urusan di bawah perundangan lain juga adalah turut berkaitan seperti contoh Enakmen Rizab Melayu, Akta Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Akta Pengambilan Tanah 1960, Akta Hakmilik Strata 1985 dan sebagainya.
- 1.2.3 Dokumen laporan tanah ini adalah penting kepada Pentadbir Tanah, Pengarah Negeri dan PBN untuk mengetahui lokasi tanah, status tanah, keadaan fizikal tanah, aktiviti di atas dan di bawah tanah, kawasan pilihan raya, cadangan pelan pembangunan dan lain-lain perkara untuk dijadikan perakuan bagi memastikan keputusan yang akan dibuat adalah yang terbaik berdasarkan keadaan dan pembangunan sesebuah kawasan. Laporan yang salah atau yang

tidak tepat akan memberikan kesan negatif kepada kerajaan seperti disaman dan berhadapan dengan tuntutan ganti rugi di Mahkamah.

- 1.2.4 Kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia telah mengeluarkan format laporan teknikal tanah masing-masing dalam pelbagai bentuk. Mengambil kira kepentingan penyediaan laporan tanah yang komprehensif dan seragam, maka Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) dengan kerjasama Kesatuan Penolong Pegawai Tanah Semenanjung Malaysia (KPPTSM) berpandangan satu format laporan tanah yang lengkap, mudah dan telus perlu diwujudkan supaya dapat dijadikan panduan kepada PPT dalam menyediakan laporan tanah.

### **1.3 Objektif Penyeragaman Format Laporan**

#### **1.3.1 Memastikan Penyediaan Laporan Tanah Yang Lengkap dan Berkualiti**

Laporan tanah adalah dokumen yang penting dan perlu diteliti oleh Pentadbir Tanah, Pengarah Negeri dan PBN dalam mempertimbangkan sesuatu permohonan. Justeru, laporan yang terlalu ringkas dan tidak mempunyai maklumat yang mencukupi akan memberi kesan negatif selain menyukarkan pihak terlibat membuat pertimbangan dan keputusan yang terbaik. Kesilapan dalam membuat keputusan akan mendedahkan kerajaan kepada risiko berhadapan dengan tuntutan saman atau sebarang tuntutan ganti rugi.

#### **1.3.2 Memastikan Ketelusan Laporan yang Disediakan**

Penyediaan laporan yang terlalu ringkas, tidak dilengkapi dengan maklumat yang mencukupi sama ada disembunyikan dengan sengaja atau tidak sengaja boleh menimbulkan prasangka kepada pelbagai pihak. Penggunaan format yang seragam dan lengkap dengan semua butiran atau maklumat yang diperlukan boleh mengelakkan sebarang penyelewengan dan dengan itu menjamin ketelusan setiap laporan yang disediakan.

#### **1.3.3 Memudahkan dan Memendekkan Masa Penyediaan Laporan**

PPT terutama yang baru dilantik atau yang baru ditugaskan untuk menyediakan laporan tanah sering menghadapi kesukaran untuk memikirkan butiran-butiran yang perlu dimasukkan di dalam laporan mengikut jenis urusan atau permohonan. Justeru, penggunaan format laporan tanah yang seragam akan membantu memudahkan PPT untuk menyediakan laporan yang komprehensif, di samping memastikan maklumat-maklumat yang penting tidak tertinggal dan memendekkan tempoh penyediaan laporan tersebut.

### **1.3.4 Meningkatkan Imej Penjawat Awam dan Pentadbiran Tanah**

Penghasilan laporan teknikal tanah yang berkualiti dengan lebih pantas diharap dapat memperbaiki dan meningkatkan imej penjawat awam dan pentadbiran tanah secara keseluruhannya.

## **2. FORMAT LAPORAN TANAH MENGIKUT JENIS URUSAN ATAU PERMOHONAN DAN PERUNDANGAN TERLIBAT**

### **2.1 Format Laporan**

Format laporan tanah yang diseragamkan mengikut jenis urusan atau permohonan dan perundangan terlibat adalah seperti senarai berikut (format adalah seperti di **Lampiran 1 - 19**):

<b>BIL.</b>	<b>URUSAN/ PERMOHONAN</b>	<b>PERUNDANGAN TERLIBAT</b>
1.	Pemberimilikan	Seksyen 76 KTN
2.	Perizaban	Seksyen 62 KTN
3.	Lesen Pendudukan Sementara (LPS)	Seksyen 65 KTN
4.	Permit Bahan Batuan/ Bahan Mineral	Seksyen 69, Seksyen 70 KTN & Enakmen Mineral Negeri
5.	Pembangunan Tanah	Seksyen 135, Seksyen 140, Seksyen 146 KTN
6.	Tukar Syarat dan Pecah Sempadan dan Tukar Syarat Serentak	Seksyen 124, Seksyen 124A KTN
7.	Penyerahan & Pemberimilikan Semula	Seksyen 76, Seksyen 197, Seksyen 204A-H KTN
8.	Hak Lalu Lalang Pentadbir Tanah	Seksyen 390 KTN
9.	Pelanjutan Tempoh Pegangan	Seksyen 90A KTN
10.	Pajakan Tanah Rizab	Seksyen 63 KTN
11.	Pelanggaran Syarat, Permit & Lesen	Seksyen 69, Seksyen 70 KTN Enakmen Mineral Negeri
12.	Kemungkiran Kategori atau Syarat Tanah	Seksyen 125-130 KTN
13.	Pembatalan & Pengisytiharan Kawasan Rizab Melayu	Enakmen Rizab Melayu Negeri
14.	Penamatan Kawasan GSA	Seksyen 44 Akta Tanah (Kawasan-Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960
15.	Pembatalan Tanah Rizab	Seksyen 64 KTN

BIL.	URUSAN/ PERMOHONAN	PERUNDANGAN TERLIBAT
16.	Pengambilan Tanah	Akta Pengambilan Tanah 1960
17.	Pendudukan Secara Tidak Sah	Seksyen 425 KTN
18.	Permit Ruang Udara	Seksyen 75A KTN
19.	Rondaan Penguatkuasaan	-

**Jadual 1: Senarai Format Laporan Tanah Mengikut Jenis Urusan/Permohonan dan Perundangan Terlibat**


### 3. TARIKH KUAT KUASA

3.1 Garis Panduan ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh Garis Panduan ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

### 4. PERTANYAAN MENGENAI GARIS PANDUAN

4.1 Sebarang pertanyaan berhubung Garis Panduan Penyeragaman Format Laporan Tanah Mengikut Urusan Permohonan Di Bawah Perundangan Berkaitan Tanah Dan Penggunaannya Di Semua Pentadbiran Tanah Di Semenanjung Malaysia boleh diperolehi daripada:

**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH  
DAN GALIAN PERSEKUTUAN**  
**(Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah)**  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Aras 10, Wisma Sumber Asli  
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4  
62574 PUTRAJAYA  
Tel : 03-8871 2697  
Faks : 03-8890 3242



**(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)**  
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
22 September 2022